



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
TEL: 07- 2547777, FAKS: 07-2547700**

**PANDUAN PERMOHONAN
LESEN PERMIS PERNIAGAAN DAN LESEN IKLAN**

CARA-CARA PERMOHONAN BARU

1. Borang permohonan lesen boleh didapati di kaunter bayaran Majlis Perbandaran Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan harga RM3.00
2. Pemohon dikehendaki mengemukakan 1 permohonan bagi 1 premis perniagaan
3. Borang hendaklah ditulis dengan dakwat biru/hitam dengan terang dan kemas.
4. Permohonan lesen yang lengkap sahaja akan diterima dan diproses.
5. Pemohon hendaklah hadir sendiri atau melalui wakil dengan syarat mendapat kebenaran dari pemohon iaitu mengemukakan Suratkuasa (Authorization Letter)

DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

Dokumen Asas No. 1-10

1. Pendaftaran perniagaan pemilik Tunggal @ Rakankongsi
2. Pendaftaran Syarikat Sdn Bhd
- Form 49, Form 24, Form 44, Form 9, Form 13
- Memorandum And Articles of Association
3. Tiga (3) keping gambar warna pemohon berukuran pasport
4. Salinan Kad Pengenalan pemohon
5. Suratkuasa pemohon hendaklah ditandatangani oleh Pengarah
6. Salinan Perjanjian Sewa Premis atau Tanah atau Perjanjian Jual Beli
7. Salinan Sijil kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) / Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) / Salinan Lesen bangunan Sementara (LBS)
8. Salinan Geran/Suratan Hakmilik sementara
9. Gambar hadapan dan dalam premis
10. Contoh lakaran Papan Iklan yang dicadangkan berserta ukuran sebenar
- Lakaran hendaklah berwarna dan dilukis menggunakan komputer

Dokumen Tambahan Bagi Premis Perusahaan/menjual/pembekal makanan/minuman

11. Wajib membeli buku PAGEMA harga RM250.00 di kaunter bayaran (Bagi Lesen Perindustrian)
12. Gambar lantai dan dinding yang telah dipasang lapisan jubin setinggi 5 kaki
13. Salinan Sijil Kursus Asas Pengendalian Makanan
14. Salinan Buku Suntikan vaksin Ty2 – (pemilik dan pekerja)
15. Gambar atau resit pembelian/pemasangan alat perangkap minyak dipremis makanan

Lain-Lain Dokumen Tambahan

16. Laporan Pathology dan telah disahkan oleh doktor perubatan
- *Bagi gunting rambut / pusat kecantikan / urut dan rawatan*
17. Surat kelulusan Pelan Bangunan jika ada ubahasuai pada bangunan
18. Salinan pendaftaran kenderaan / permit kenderaan
- *Bagi kontraktor angkat sampah*
19. Salinan perlantikan kontraktor pengumpulan minyak hitam
- *Bengkel*

SURAT SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL

Pemohon dikehendaki merujuk jabatan teknikal ini untuk mendapatkan Surat Sokongan. Pihak majlis hanya akan memproses permohonan lesen premis perniagaan dan lesen iklan yang telah lengkap dengan surat sokongan jabatan teknikal yang berkenaan. Sila kemukakan dokumen asal untuk pengesahan

1. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Johor
- *semua jenis premis perniagaan perlu rujuk jabatan ini untuk mendapatkan surat sokongan*
2. Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor
- *Jenis perniagaan bengkel/perusahaan/stor simpan atau proses bahan kimia merbahaya/ stesyen minyak*
3. Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Johor
- *Perusahaan / perindustrian / bengkel yang menggunakan jentera atau mesin*
4. Pejabat Kesihatan Johor Bahru
- *Perusahaan membuat/memproses makanan/minuman termasuk air batu*
- *Restoran-menjual makanan/minuman, kantin, membungkus, pengedaran, menjual makanan sejuk beku*
- *Pusat Kecantikan/persolekan/gunting rambut/pusat urut dan rawatan tradisional*
5. Pejabat Farmasi Johor Bahru
- *Kedai ubat / menjual ubat tradisional / farmasi*
- *Menjual/pengedar/pembekal barangan kosmetik/produk kecantikan/makanan kesihatan/ herba*
6. Ibupejabat Polis Daerah Seri Alam
- *Menjual kenderaan terpakai*
- *Barangan lusuh (gangsa / tembaga / timah / aluminium / besi)*
7. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
- *Kontraktor Pembentungan*
8. Jabatan Pelajaran
- *Tadika/ Pusat Tuisyen / Institusi Swasta / Pusat Kemahiran*
9. Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru
- *Taska / Rumah Anak Yatim*
10. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
- *Perusahaan / Perkhidmatan Percetakan*

**SYARAT-SYARAT BAGI PREMIS PERNIAGAAN
PELESENAN TRED PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (PBTPG) 1988 DAN PENGENDALIAN
MAKANAN 1991**

1. Lesen hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa dan bertanggungjawab memastikan tarikh luput sah laku lesen.
2. Keseluruhan bangunan / premis perniagaan hendaklah berada di dalam keadaan bersih
3. Keseluruhan bangunan yang digunakan untuk tujuan perniagaan ini hendaklah dibersihkan dan dicat semula jika perlu dibahagian luar dan dalam.
4. Hendaklah mengadakan tong sampah yang sesuai serta plastik hitam dan mencukupi serta mempunyai penutup bagi menghindarkan gangguan binatang.
5. Hendaklah mengambil langkah-langkah memastikan pengedaran udara dan pencahayaan berada didalam keadaan sempurna.
6. Hendaklah sentiasa menjaga kebersihan tandas dan bilik air.
7. Hendaklah mengambil langkah keselamatan semua ciri-ciri keselamatan dan alat kawalan pencegahan kebakaran (pemadan api) dipasang dengan secukupnya.
8. Hendaklah membaiki semua kerosakkan pada struktur bangunan dengan segera.
9. Hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu bagi tujuan pengawalan pencemaran alam sekitar.
10. Diwajibkan melantik kontraktor bagi perniagaan yang melibatkan membuang minyak hitam.
11. Hendaklah menyediakan manual pelan tindakan kecemasan (Emergency Respron Plan)

Syarat Tambahan Bagi Premis Makanan


12. Semua pengendalian makanan diwajibkan mengikuti Kursus Asas Pengendalian Makanan
13. Semua pengusaha makanan dan pekerja mesti mendapatkan suntikan vaksin Ty2
14. Permukaan lantai / dinding (srtinggi 5 kaki) bangunan hendaklah dipasang batu jubin
15. Diwajibkan memasang alat penapis sisa makanan dan perangkap minyak
16. Peniaga perlulah membind tempat pengeluaran asap (serombong) di bahagian dapur tempat masak.
17. Peniaga diwajibkan meletakkan notis berupa arahan kesihatan seperti **"JAGA KEBERSIHAN", "JANGAN MELUDAH MERATA-RATA"** atau yang sesuai, dipamerkan di mana0-mana ruang dinding yang mudah dilihat.

SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN PREMIS
Undang-Undang Kecil Iklan (MPPG) 1989

Syarat dan arahan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan sebelum mempamerkan iklan.

1. No. Lesen Iklan wajib diletakan di bahagian bawah sudut kanan papan iklan.

Contoh:-



2. Mengutamakan perkataan dalam Bahasa Malaysia pada iklan yang dipamerkan dan saiznya lebih besar serta kelihatan jelas.
3. Paparan papan iklan tidak boleh menutup dan menghalang mana-mana tingkap atau ruang keluar udara /asap di tembok luar (dinding) bangunan.
4. Dilarang meletakkan tanda '**HALAL**' atau '**DITANGGUNG HALAL**' di mana-mana bahagian premis atau ruang papan iklan yang dipamerkan kecuali telah mendapat kebenaran oleh Jabatan Agama Islam Johor.
5. Dilarang meletakkan gambar atau perkataan, lambang atau jenama berkaitan dengan minuman bir, arak atau perkataan yang difikirkan tidak sopan.
6. Dilarang memasang papan iklan tanpa kelulusan Majlis.
7. Mematuhi segala syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Pegawai Majlis Perbandaran Pasir Gudang dari masa ke semasa. Kegagalan mematuhi syarat-syarat di atas akan menyebabkan tuan/puan boleh dikenakan kompaun dan seterusnya lesen tuan/puan akan dibatalkan.